

03/03/1997

Mutu khidmat awam boleh ditingkat: PM (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin mutu perkhidmatan awam boleh diperbaiki hingga ke tahap lebih baik dengan meningkatkan kecekapan bekerja dan memberi perkhidmatan lebih bermutu serta berkesan.

Perdana Menteri berkata, secara keseluruhan mutu perkhidmatan kakitangan awam sudah banyak berubah dan kini ia berada pada tahap yang lebih baik.

Bagaimanapun, katanya, ia masih tidak memadai dan perlu dipertingkatkan.

Beliau berkata, piagam pelanggan yang diperkenalkan dalam sektor awam sebenarnya tidak gagal kerana sejak dilaksanakan ia berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan sektor itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kerajaan akan cuba membaiki setiap aduan mengenai kemerosotan mutu perkhidmatan.

"Ia (piagam pelanggan) tidak gagal, saya rasa ada perubahan yang semakin baik tetapi tidak mencukupi.

"Untuk membaikinya, kita perlu meningkatkan kecekapan dan menyediakan perkhidmatan lebih baik," katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta dan menyampaikan hadiah peringkat terakhir perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi '97 dan perlumbaan Kart Prix Asean pertama, di sini.

Beliau turut melawat pembinaan Lapangasar Antarabangsa Langkawi yang akan digunakan untuk Sukan Komanwel 1998.

Perdana Menteri ditanya mengenai kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali semalam bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan kakitangannya kerana terlalu banyak aduan diterima daripada orang ramai.

Abdul Halim berkata, walaupun banyak antara aduan itu diterima menerusi surat layang, kerajaan tidak boleh mengabaikannya, sebaliknya mengarahkan semua ketua jabatan mengawasi kakitangan masing-masing.

Menurut Abdul Halim, beliau dan ketua jabatan lain menerima banyak surat layang yang mengkritik mutu kerja kakitangan awam.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh mengulas panjang berhubung perkara itu atau mengeluarkan arahan kepada semua ketua jabatan sehingga menerima laporan lebih terperinci daripada Abdul Halim.

"Saya perlu mendapat laporan terlebih dahulu, tetapi jika ada aduan kita akan cuba perbaiki," katanya.

(END)